

13 JAN 2003

Rafidah-Pilihan raya

WANITA UMNO DIINGATKAN JANGAN BEREBut KERUSI

BATU PAHAT, 13 Jan (Bernama) -- Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, hari ini mengingatkan anggota pergerakan itu supaya tidak sekadar berangan-angan untuk mendapatkan kerusi bagi pilihan raya akan datang sebaliknya perlu bekerja keras memastikan kemenangan Barisan Nasional.

Katanya, hasrat Wanita Umno untuk mendapatkan kerusi tambahan berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya, tidak bermakna pergerakan itu akan berjaya memperolehnya.

"Buat kerja dulu dan buat dengan sepenuh hati tugas yang diamanahkan. Matlamat kita tidak hanya 'booking' (menempah) kerusi tetapi untuk kemenangan BN," katanya ketika berucap pada pelancaran Buku Gerak Kerja Pemilihan Wanita Umno Johor dan majlis temu mesra aidilfitri di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, dekat sini hari ini.

Rafidah berkata, soal peruntukan kerusi pada pilihan raya depan tidak seharusnya menjadi isu dalam pergerakan itu kerana BN bukan didokong oleh sebuah parti sahaja.

"Jangan kita (wanita Umno) berebut-rebut kerusi...begitu juga parti lain dalam BN, jangan sampai kita menang dalam bahagian tetapi kalah dalam pilihan raya, bak kata pepatah menang sorak, kampung tergadai atau yang digendong keciciran, yang dikejar tidak dapat," katanya.

Apa yang penting bagi Wanita Umno, kata Rafidah, ialah menentukan BN dan Umno terus mendapat sokongan rakyat dan memberi keyakinan kepada rakyat bahawa BN adalah parti yang berwibawa dan mampu mentadbir negara ini.

Beliau berkata Wanita Umno juga tidak perlu risau dengan proses peralihan kuasa yang akan berlaku Oktober ini apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berundur.

"Apa yang penting, kita tunjukkan bahawa peralihan kuasa di Malaysia ini berlaku dengan aman, serahkan parti dalam keadaan baik kepada pemimpin yang baru dan bukannya masalah," katanya.

Mengenai masalah sosial di negara ini, Rafidah berkata Wanita Umno seharusnya menjadi benteng kepada keluarga masing-masing dalam menangani masalah itu supaya ianya tidak merebak.

"Kita mempunyai ahli seramai 1.2 juta dan sekiranya Wanita menjaga keluarga masing-masing, isu-isu seperti ini tidak berlaku dalam rumah dan kita dapat capai matlamat keluarga bahagia, negara sejahtera," katanya.

Menurut beliau, tanggungjawab memastikan kesejahteraan rakyat dan masyarakat bukan sahaja terletak kepada kerajaan malah ia menjadi tanggungjawab bersama para ibu bapa.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan Buku Gerak Kerja Pergerakan Wanita Umno Johor kepada ketua-ketua Wanita Umno Bahagian.

Turut hadir Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

-- BERNAMA

RAM MAI